

1978

KUALA LUMPUR, 11 MEI (BERNAMA) --KERAJAAN BUKANLAH SEBUAH BADAN BEBAS DAN ANGGAPAN BAHAWA IA BEBAS MELAKUKAN APA SAJA YANG DICADANGKAN SERING MENJADI PUNCA BERLAKUNYA SALAH FAHAM, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TERPAKSA MENIMBANGKAN BUKAN SAHAJA DARI SEGI UNDANG, YANG SETENGAHNYA TIDAK BOLEH DIPINDA, TETAPI JUGA FAKTA BAHAWA TIAP-TIAP TINDAKAN ADA RIASKINYA.

SELAIN DARI KEMUNGKINAN RIASKI ITU BOLEH MERUSAKKAN KEDUDUKAN KERAJAAN, KADANGKALA JANYA MENIMPUKAN KESAN YANG SEBALIKNYA DARI MATLAMAT SYUR-SYUR YANG DIPUAT, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MERASMIKAN BENGKEL MENGENAI DAYA PENGELUARAN DI INDUSTRI PEKILANGAN, ANJURAN FAKULTI KEJURUTERAAN UNIVERSITI MALAYA DI SINI.

KATANYA, WAKIL-WAKIL KERAJAAN JARANG DIKECUALIKAN DARIPADA SEMINAR-SEMINAR DAN BENGKEL SEUMPAMA INI DAN INILAH YANG SEHARUSNYA DIBUAT.

KERAJAAN PERLU BUKAN SAHAJA MENGETAHUI PENDAPAT ORANG LAIN, TETAPI JUGA MENGEMUKAKAN PANDANGANNYA DAN YANG LEBIH PENTING TILAH APA YANG TERDAYA DILAKUKANNYA. --BERSAMBUNG 1005/AH

££

B506

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, DAYA PENGELUARAN SEKARANG TELAH MENJADI SEBUTAN DAN YANG MASIH MERAGUKAN ADAKAH SETIAP ORANG FAHAM PERANAN MASING-MASING DALAM DAYA PENGELUARAN NEGARA.

KEBANYAKAN ORANG KERAP MEMIKIRKAN BAHAWA ORANG LAIN YANG HARUS MENGELAK DARIPADA MENGHALANG DAYA PENGELUARAN.

MEREKA MENGANGGAP DIRI MEREKA TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG PERANAN ATAUPUN TELAH MELAKUKAN APA YANG PERLU DAN DAYA PENGELUARAN MESTILAH DIPERINGKAT MAKSIMA TETAPI ATAS KEGIATAN ATAU KEKURANGAN KEGIATAN ORANG LAIN.

+DENGAN ITU, KITA MEMPUNYAI INDUSTRI YANG MENYALAHKAN PENGURUSAN DAN PEKERJA KERANA PENGELUARAN YANG RENDAH, PENGURUSAN MENYALAHKAN PARA PENGARAH DAN PEKERJA, PEKERJA MENYALAHKAN PENURRUSAN DAN PEMILIK INDUSTRI, DAN SEMUANYA PULA MENYALAHKAN KERAJAAN DAN KERAJAAN MENYALAHKAN SEMUA ORANG, + TAMBAHNYA.

DALAM PROSES INI, PENGELUARAN, BIASANYA LEBIH MEROSOT LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP BENGKEL ITU AKAN MENDEDAHKAN MASALAH SEMUA PIHAK DAN MEMAHAMKAN PERANAN YANG MESTI DIMAINKAN OLEH SETIAP ORANG BAGI MEMBAIKI DAYA PENGELUARAN. -- BERSAMBUNG 1000/RH

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENCADANGKAN ADA LEBIH BAIK LAGI SEKIRANYA SEMUA SEMINAR MENGENAI DAYA PENGELUARAN MELIATKAN PERWAKILAN PEKERJA JUGA.

KATANYA, SEMUA PERBINCANGAN, PERBAHASAN DAN PERSETUJUAN TIDAK AKAN BERARTI JIKA PEKERJA GAGAL MENGHARGAI DAN MEMAHAMI HAKIKAT INI.

+CONTOHNYA, KITA FAHAM BAGAIMANA MASALAH PERNGELUARAN BOLIH DIATASI MELALUI TEKNOLOGI MODEN, TETAPI IA GAGAL KERANA TIDAK ADA KERJASAMA DI PIHAK PEKERJA, + TAMBAHNYA.

SEBALIKNYA, PEKERJA YANG BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH GAGAL MENINGKATKAN PENGELUARAN KERANA KELENGKAPAN JENTERA DAN SYARAT BEKERJA YANG TIDAK SEMPURNA. -- BERNAMA 1004/RH